

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

# Bantu individu terdekat tangani tekanan perasaan

**Keluarga, masyarakat perlu bawa jalani rawatan, beri sokongan moral**

Oleh Ahmad Suhael Adnan  
ahmad.suhael@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Keluarga dan masyarakat digesa tidak bersikap 'lepas tangan' daripada membantu individu terdekat yang mengalami tekanan perasaan dan penyakit mental, yang dikaitkan sebagai punca peningkatan jenayah ganas dan kejam sejak akhir-akhir ini.

Timbalan Menteri Kesihatan 1, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata dua kumpulan itu berperanan penting untuk mengenal pasti ahli keluarga atau individu terdekat yang mengalami tekanan perasaan.

Selain memberi sokongan moral, katanya, mereka juga berperanan membawa individu berkenaan ke fasiliti kesihatan untuk mendapatkan intervensi awal, sebelum masalah tekanan perasaan bertukar menjadi lebih serius.

"Peranan komuniti, terutama

ahli keluarga dan rakan untuk membantu mengenal pasti awal mereka yang mengalami tekanan perasaan.

"Mereka juga perlu membawa individu yang terkesan ke fasiliti kesihatan seawal mungkin untuk mendapatkan penilaian dan intervensi bersesuaian.

"Tanggungjawab mengesan awal individu yang terkesan dengan masalah kesihatan mental bukan hanya pada Kementerian Kesihatan (KKM), tetapi juga secara bersama oleh semua pihak, termasuk agensi kerajaan, swasta serta pertubuhan bukan kerajaan," katanya kepada BH, semalam.

Beliau mengulas laporan muka depan BH semalam mengenai peningkatan kejadian jenayah ganas dan kejam sejak akhir-akhir ini, terutama yang dilakukan ahli keluarga sendiri.

Ini termasuk dua insiden ganas direkodkan kelmarin, membabitkan seorang warga emas

## Pendam tekanan perasaan punca jenayah kejam



Keratan akhbar BH, semalam.

wanita berusia 68 tahun yang dikerat 15 bahagian dan ditemui dalam tangki kumbahan rumahnya di Parit Buntar, Perak, dipercayai dibunuh anak lelaki yang tidak berpuas hati berhubung pembahagian harta.

Satu lagi insiden di Pasir Mas, Kelantan, membabitkan seorang wanita berusia 26 tahun yang sarat mengandung tujuh bulan ditemui mati dengan kesan tembakan pada perut, disyaki angkara bekas suaminya dalam kejadian dikaitkan de-

ngan motif cemburu.

Pakar psikiatri berpandangan antara punca meningkatnya kejadian ganas, termasuk oleh ahli keluarga sendiri adalah disebabkan 'membiarkan' tekanan perasaan dihadapi berlarutan menjadi penyakit mental hingga mendorong mereka melakukan perbuatan kejam.

Dr Noor Azmi memaklumkan, individu atau keluarga boleh mendapatkan bantuan berkaitan tekanan perasaan dan penyakit mental di klinik kesihatan terdekat, termasuk berjumpa doktor atau pakar perubatan keluarga.

"KKM memiliki 60 hospital, termasuk empat institusi mental dan 1,161 klinik kesihatan yang memberi perkhidmatan saringan dan rawatan bagi masalah dan penyakit mental," katanya.

Pada masa sama, beliau berpendapat peningkatan jenayah ganas mutakhir ini tidak semestinya disebabkan oleh penyakit mental semata-mata, kerana banyak faktor lain yang boleh mendorong seseorang itu bertindak kejam.

"Banyak faktor sosial lain yang boleh menyumbang kepada isu keganasan, antaranya krisis kehidupan, dendam, tidak boleh mengawal kemarahan, penyalahgunaan bahan larangan dan lain-lain," katanya.

**Tanggungjawab mengesan awal individu yang terkesan dengan masalah kesihatan mental bukan hanya pada KKM, tetapi juga secara bersama oleh semua pihak**



Dr Noor Azmi Ghazali,  
Timbalan Menteri Kesihatan 1



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Kemasukan pesakit ke hospital, PKRC meningkat 11 peratus

**Penggunaan katil bukan kritikal, kes perlukan alat bantuan menurun**

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke hospital dan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) awam pada 29 Mei hingga 4 Jun (Minggu Epidemiologi 22/2022) meningkat 11 peratus bagi setiap 100,000 penduduk di negara ini.

Bagaimanapun, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pihaknya mendapati tiada perubahan kepada jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke hospital awam bagi setiap 100,000 penduduk untuk semua kategori 1 hingga 5.

Selain itu, beliau memaklumkan peratus pengisian katil fasiliti COVID-19 turut menunjukkan penurunan berbanding minggu sebelumnya.

"Penggunaan katil bukan kritikal menurun 8 peratus; penggunaan katil unit rawatan rapi (ICU) menurun sebanyak 14 peratus dan peratusan penggunaan katil PKRC tiada perubahan."

"Bagi jumlah kes yang memerlukan alat bantuan pernafasan ia mencatatkan penurunan 17 peratus," katanya dalam kenyataan semalam.

Secara umumnya kes positif COVID-19 yang dipantau oleh Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) di seluruh negara semakin menunjukkan pengurangan berbanding ME 21/2022.

Bilangan kedatangan pesakit ke CAC menurun 11.6 peratus, jumlah kes COVID-19 baharu yang menjalani pemantauan di rumah menurun sebanyak 17.8 peratus dan kes COVID-19 yang dirujuk CAC ke PKRC atau hospital meningkat sebanyak 2.5 peratus.

Bagi trend kes aktif harian COVID-19 yang dipantau secara maya (CAC Maya), pada akhir ME 22/2022 ia menurun sebanyak 9.4 peratus berbanding pada akhir ME 21/2022 iaitu daripada 22,475

kes kepada 20,363 kes.

Bagi perbandingan antara ME 21/2022 dengan ME 22/2022, Dr Noor Hisham berkata bilangan kes sembuh pada ME 22/2022 menurun 13.4 peratus iaitu daripada 13,797 kes kepada 5,925 kes.

Bilangan kes baharu pada ME 22/2022 menurun sebanyak 15.5 peratus (13,076 kes kepada 11,052 kes), bilangan kes tempatan menurun sebanyak 15.4 peratus (13,022 kes kepada 11,022 kes) dan bilangan kes import menurun sebanyak 45.5 peratus (55 kes kepada 30 kes).

Untuk bilangan kes kematian pada ME 22/2022 ia menunjukkan peningkatan kepada 36.8 peratus (19 kes kepada 26 kes) berbanding ME 21/2022; dan purata kes aktif setiap hari bagi ME 22/2022 adalah 23,290, iaitu terdapat penurunan sebanyak 8.2 peratus berbanding minggu sebelumnya.

**Penggunaan katil bukan kritikal menurun 8 peratus; penggunaan katil ICU menurun 14 peratus dan peratusan penggunaan katil PKRC tiada perubahan**

Dr Noor Hisham Abdullah,  
Ketua Pengarah Kesihatan



Penyakit tangan, kaki dan mulut

## Kes di Johor naik 50 kali ganda

**Johor Bahru:** Kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) di Johor meningkat 50 kali ganda iaitu 5,234 kes pada tahun ini sehingga minggu epid

22/2022 yang berakhir Sabtu lalu berbanding tempoh sama yang mencatat 104 kes pada tahun lalu.



Ling Tian Soon

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan negeri, Ling Tian Soon berkata, peningkatan ini sudah dijangka berlaku pada tahun ini ekoran kelonggaran prosedur operasi standard (SOP) dan selari dengan peningkatan kes di Malaysia.

"Walaupun situasi ini masih terkawal dan berada dalam keadaan selamat, saya berharap rakyat Johor mengambil serius mengenai penyakit HFMD."

"Kita perlu mengambil langkah pencegahan yang ditetapkan. Ketika masa cuti sekolah ini, ibu bapa wajar menggunakan peluang mendidik anak supaya memberi lebih perhatian terhadap kebersihan diri dan persekitaran."

"Selain itu, pengusaha institusi pendidikan disarankan

membuat kerja sanitasi dan pembersihan di kawasan premis dalam usaha membendung penularan wabak HFMD ini," katanya dalam kenyataan semalam.

Tian Soon berkata, kebanyakan kes HFMD berlaku di negeri ini dalam kalangan kanak-kanak sejak dilahirkan hingga enam tahun iaitu 4,594 kes (87.8 peratus), diikuti kumpulan umur tujuh hingga 12 tahun sebanyak 564

kes (10.8 peratus) dan selebihnya berumur lebih 13 tahun.

"Sehingga ini, 25 wabak aktif HFMD dilaporkan dengan daerah tertinggi mencatatkan kejadian wabak aktif ialah Johor Bahru (11 wabak), diikuti daerah Kluang (7) dan Kota Tinggi (5), manakala Muar dan Tangkak masing-masing satu wabak."

"Lokasi penularan wabak HFMD di Johor membabitkan taska (41 wabak), diikuti rumah persendirian (18), tabika (13), tadika (8), prasekolah (7), sekolah rendah (3), pusat jagaan harian (2 wabak) dan lain-lain (3 wabak)," katanya.

## 9 daerah di Kelantan dalam zon merah

**Kota Bharu:** Sembilan daerah di Kelantan berada dalam zon merah kes jangkitan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) dalam tempoh 10 hari sehingga Sabtu lalu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Datuk Dr Zaini Hussin, berkata sembilan daerah berkenaan adalah Kota Bharu yang mencatat 705 kes, diikuti Machang (157 kes), Tumpat (126 kes), Pasir Mas (116 kes), Tanah Merah (96 kes), Kuala Krai (92 kes), Bachok (89 kes), Gua Musang (85 kes) dan Pasir Puteh (75 kes).

Katanya, hanya satu daerah iaitu Jeli berada dalam zon kuning dengan 47 kes.

"Jumlah keseluruhan kes HFMD pada Minggu Epidemiologi (ME) 22/2022 dalam tempoh 10 hari sehingga kelmarin (Sabtu lalu) adalah sebanyak 1,588 kes."

Angka itu menjadikan kumulatif 5,782 kes jangkitan untuk tahun ini.

"Kanak-kanak berusia antara satu hingga empat tahun paling ramai dijangkiti HFMD iaitu sebanyak 68.4 peratus, diikuti lima hingga enam tahun (14.4 peratus) dan tujuh hingga 12 tahun (8.3 peratus)," katanya dalam kenyataan semalam.

Dr Zaini berkata, bilangan kanak-kanak dirawat di hospital sebanyak dua kes di wad biasa dan seorang mangsa dirawat di unit rawatan rapi.

Beliau berkata, jangkitan HFMD di negeri ini tidak teruk dan hanya bergejala ringan. Pesakit hanya menjalani kuarantin di rumah.

"Terdapat 25 wabak dilaporkan ini iaitu 24 membabitkan taska atau tadika, manakala empat wabak di rumah persendirian," katanya.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : LOKAL

Oleh Mohd Jamilul  
Anbia Md Denin  
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Nyawa beribu pelangan bagaikan tiada nilainya di tangan doktor gigi haram yang berlagak profesional persis doktor gigi bertauliah.

Golongan ini dikesan tumbuh bagaikan cendawan susulan trend terkini orang ramai yang mahu mendapatkan perkhidmatan veneer gigi, pendakap gigi dan pemutihan gigi pada harga murah.

Berdasarkan risikan, tukang gigi haram ini bergiat aktif menawarkan perkhidmatan rawatan estetik dan pergigian dengan berselindung di sebalik spa serta pusat rawatan kecantikan.

Kegiatan haram itu bagaimanapun dibongkar satu per satu susulan operasi besar-besaran dilakukan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) membabitkan beberapa lokasi sulit sekitar Lembah Klang sejak dua minggu lalu.

Dalam operasi pertama di sebuah butik kecantikan di Puchong, Selangor, sepasukan pegawai KKM menyerbu premis itu yang dikesan menawarkan perkhidmatan veneer, pendakap gigi dan pemutihan gigi secara haram.

Sumber berkata, premis kedai tiga tingkat yang dimiliki pasangan suami isteri warga tempatan dikesan menawarkan rawatan itu melalui media sosial.

"Suspek berusia 30-an itu dikesan aktif mempromosikan rawatan berkenaan melalui media sosial TikTok dan Facebook selain pelanggan perlu membuat tempa-

'DOKTOR GIGI' HARAM ILMU DARI YOUTUBE/TIKTOK

## Berlagak profesional



ANTARA produk yang dirampas dalam serbuan dilakukan pegawai KKM.

han awal untuk mendapatkan rawatan.

"Hasil pemeriksaan jam 12 tengah hari, pihak KKM menahan sekumpulan wanita dipercayai pekerja di butik kecantikan itu. Turut disoal siasat tiga pelanggan yang mendapatkan rawatan di premis itu," katanya.

Menurutnya, premis kecantikan itu menawarkan khidmat veneer gigi, pen-

dakap gigi dan pemutihan gigi membabitkan kos ribuan ringgit di tingkat tiga premis itu yang dijadikan 'klinik' rawatan haram berkenaan.

"Veneer gigi adalah satu bentuk rawatan di mana satu lapisan bahan nipis diletakkan pada permukaan gigi. Ia membantu memperbaiki gigi yang berubah warna, patah, rosak, tidak te-

ratur atau ada ruang cacat antara gigi.

"Bagaimanapun siasatan mendapati rawatan ini yang kebiasaannya ditawarkan doktor gigi bertauliah sebaliknya dilakukan beberapa gadis tidak mempunyai latar belakang atau kelulusan dalam bidang perubatan.

"Rata-rata mereka mendakwa belajar melakukan prosedur rawatan veneer gigi dan pemutihan gigi melalui tunjuk ajar diberikan pemilik premis dan laman YouTube," katanya.

Semua peralatan perubatan serta ubat-ubatan disyaki untuk rawatan digunakan rawatan veneer gigi, pendakap gigi dan pemutihan gigi dirampas.

"Operasi serbuan sama turut dilakukan terhadap sebuah premis rawatan kec-

tikan di Cheras, Kuala Lumpur, Khamis lalu.

Dalam serbuan jam 12 tengah hari, pihak KKM menahan dua individu berusia 30-an yang dikesan menawarkan khidmat veneer dan pemutihan gigi serta perubatan estetik.

"Dua pasangan adik-beradik itu menuntut ilmu rawatan itu dari individu tidak bertauliah dengan mengenakan caj rawatan antara RM1,000 hingga RM2,200.

"KKM merampas semua peralatan berkaitan di premis itu sebagai bukti pendakwaan di mahkamah esok," katanya.

Menurutnya, kedua-dua kes disiasat mengikut Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586) kerana disyaki menyediakan

kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta tidak berdaftar atau berlesen.

Katanya, ia selaras dengan ketetapan Seksyen 3 dan/atau Seksyen 4, Akta 586 dan boleh disabitkan kesalahan mengikut Seksyen 5, akta sama. Kes juga disiasat di bawah Seksyen 62(1) dan seksyen 68 Akta Pergigian 2018.

"Mana-mana individu didapati melakukan kesalahan mengikut seksyen 4(1) Akta 586, boleh didenda RM300,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

"Bagi suatu kesalahan dilakukan suatu pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan boleh didenda hingga RM500,000, manakala kesalahan mengikut Seksyen 62(3) dan Seksyen 68 Akta Pergigian 2018 apabila disabitkan didenda tidak melebihi RM300,000 atau/dan dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi 6 tahun," katanya.



PEGAWAI KKM melakukan serbuan.



## Boleh sebabkan mulut bengkak, bernanah

**Kuala Lumpur:** Waspada berikutan individu yang mendapatkan khidmat doktor gigi haram boleh dijangkiti penyakit berjangkit seperti HIV, Hepatitis B, Covid-19 dan jangkitan kuman serius menyebabkan mulut bengkak serta bernanah.

Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Dr Noormi Othman berkata, pesakit berkebarangkalian terlanjur atau tersedut serpihan bahan digunakan doktor gigi haram seterusnya boleh mengakibatkan jangkitan paru-paru.

"Ini disebabkan pengamal pergigian haram tidak menerima pendidikan formal. Mereka tidak mengamalkan kaedah pembasmian kuman atau tatacara rawatan yang



DR Noormi

betul dan selamat seperti dalam Garis Panduan Kawalan Jangkitan Silang dalam Amalan Pergigian (*Guidelines on Infection Control in Dental Practice*) serta piawai ditetapkan Majlis Pergigian Malaysia.

"Jangkitan kuman boleh terjadi dari seorang pesakit

kepada pesakit lain menggunakan peralatan digunakan berulang kali di antara pesakit.

"Alat yang digunakan sudah tercemar dengan air liur atau darah mahupun cecair mulut pesakit boleh dipindahkan kepada mulut pesakit seterusnya. Selain itu, mereka juga tidak tahu menguruskan pendarahan ataupun jangkitan selepas rawatan," katanya.

Menurutnya, prosedur rawatan turut dilakukan di lokasi yang tidak kondusif dan tidak memenuhi standard ditetapkan KKM seperti di tepi jalan, tepi pasar, rumah tumpangan, rumah persendirian dan hotel yang turut menyumbang kepada jangkitan kuman sesama pesakit ini.

"Berdasarkan serbuan di-

lakukan sebelum ini, ada pengamal pergigian haram tidak memakai alat perlindungan diri yang lengkap seperti sarung tangan yang berkualiti, gaun pembedahan yang sesuai yang memungkinkan pula jangkitan dari perawat kepada pesakit," katanya.

Dr Noormi berkata, rawatan gigi haram ini boleh mengakibatkan gigi pesakit menjadi longgar, rosak dan tercabut serta akar gigi terkekar dari gusi.

"Ini disebabkan doktor gigi haram ini tidak menerima pendidikan formal, maka mereka tidak dapat mengenal pasti anatomi gigi dan mulut yang normal serta sistem saraf manusia yang terdapat di sekitar muka dan mulut manusia," katanya.

## Majoriti warga tempatan

**Kuala Lumpur:** Majoriti doktor gigi palsu atau tukang gigi haram ini didalangi warga tempatan terutama dalam kalangan keluarga yang mempelajari teknik itu di laman media sosial.

Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Dr Noormi Othman berkata, hasil maklumat pengamal pergigian haram atau individu disoal siasat mendedahkan mereka memperolehi ilmu 'sesat' berkenaan melalui laman YouTube, belajar dari rakan selain mengikuti latihan atau pengalaman bekerja di klinik pergigian sebagai pembantu.

Malah, peralatan digunakan mereka dibeli secara dalam talian atau dibekalkan terus dari negara luar

melalui pos.

"Hanya sebilangan kecil doktor gigi palsu ini dalam kalangan warga asing membabitkan 5 kes (10 peratus) daripada 51 operasi penguatkuasaan dijalankan KKM.

"Majoriti pengamal pergigian haram dilakukan atau didalangi warga tempatan tidak memiliki tauliah dalam bidang perubatan," katanya.

Menurutnya pihak KKM serius dalam menangani isu doktor gigi palsu atau tukang gigi haram apabila 51 kes diambil tindakan dan penguatkuasaan sejak tahun 2016 hingga kini.

"Sejumlah 51 aktiviti penguatkuasaan dilaksanakan dan kertas siasatan dibuka selain suspek dituduh di mahkamah," katanya.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : LOKAL

## Jumlah kemasukan pesakit ke hospital, PKRC meningkat

**Putrajaya:** Jumlah kemasukan pesakit Covid-19 ke hospital dan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) awam pada 29 Mei hingga 4 Jun (Minggu Epidemiologi 22/2022) meningkat 11 peratus bagi setiap 100,000 penduduk di negara ini.

Namun Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, peratus pengisian katil fasiliti Covid-19 menurun berbanding minggu sebelumnya.

"Penggunaan katil bukan kritikal menurun 8 peratus; penggunaan katil Unit Rawatan Rapi (ICU) menurun sebanyak 14 peratus dan peratusan penggunaan katil PKRC tiada perubahan.

"Kes yang memerlukan alat bantuan pernafasan

mencatatkan penurunan sebanyak 17 peratus," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, secara umumnya kes positif Covid-19 yang dipantau oleh Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) di seluruh negara semakin menunjukkan pengurangan berbanding ME

21/2022.

"Bilangan kedatangan pesakit ke CAC menurun 11.6 peratus, jumlah kes Covid-19 baharu yang menjalani pemantauan di rumah

menurun 17.8 peratus dan kes Covid-19 yang dirujuk CAC ke PKRC atau hospital meningkat 2.5 peratus.

"Bagi tren kes aktif harian Covid-19 yang dipantau secara maya (CAC Maya), pada akhir ME 22/2022 ia menurun 9.4 peratus berbanding

pada akhir ME 21/2022 iaitu daripada 22,475 kes kepada 20,363 kes," katanya.

Bagi perbandingan antara ME 21/2022 dengan ME 22/2022, Dr Noor Hisham berkata, bilangan kes sembuh pada ME 22/2022 menurun 13.4 peratus iaitu daripada 13,797 kes kepada 5,925 kes.

"Bilangan kes baharu pada ME 22/2022 menurun 15.5 peratus (13,076 kes kepada 11,052 kes), bilangan kes tempatan menurun 15.4 peratus (13,022 kes kepada 11,022 kes) dan bilangan kes import menurun 45.5 peratus (55 kes kepada 30 kes).

"Kes kematian pada ME 22/2022 menunjukkan peningkatan kepada 36.8 peratus (19 kes kepada 26 kes) berbanding ME 21/2022 dan purata kes aktif setiap hari bagi ME 22/2022 adalah 23,290, iaitu terdapat penurunan 8.2 peratus berbanding minggu sebelumnya," katanya.

**"Kes yang memerlukan alat bantuan pernafasan mencatatkan penurunan 17 peratus"**  
Dr Noor Hisham

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 5  
RUANGAN : NEGARA

## Jangkitan Covid-19 menurun 15.5 peratus

**KUALA LUMPUR** – Bilangan kes baharu Covid-19 di negara ini menunjukkan penurunan 15.5 peratus iaitu 11,052 kes bagi Minggu Epidemiologi (ME) ke-22 yang bermula dari 29 Mei hingga 4 Jun berbanding 13,076 kes pada minggu sebelumnya (ME ke-21).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, purata kes aktif setiap hari bagi ME ke-22 adalah 23,290 iaitu terdapat penurunan 8.2 peratus berbanding minggu sebelumnya.

"Perkembangan itu menyaksikan jumlah kumulatif kes Covid-19 di Malaysia kini 4,513,631 kes.

"Purata kadar kebolehhjangan Covid-19 (nilai Rt) juga menunjukkan penurunan 2.2 peratus iaitu 0.91 berbanding 0.93 pada minggu sebelumnya," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Dr. Noor Hisham berkata, bilangan kes sembuh pada ME ke-22 menurun 13.4 peratus (15,925 kes kepada 13,797 kes) berbanding ME ke-21, menjadikan kumulatif kes sembuh 4,455,499.

"Kes kematian pada ME ke-22 pula menunjukkan peningkatan kepada 36.8 peratus, dengan 26 kes berbanding 19 kes pada minggu sebelumnya, menjadikan kumulatif kematian kini 35,686.

"Jumlah kemasukan pesakit Covid-19 ke fasiliti kesihatan iaitu hospital dan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) bagi setiap 100,000 penduduk meningkat sebanyak 11 peratus untuk ME sama berbanding ME sebelumnya," katanya.

Namun begitu, ujarnya, didapati tiada perubahan kepada jumlah kemasukan pesakit Covid-19 ke hospital awam bagi setiap 100,000 penduduk semua kategori. Jumlah kes memerlukan alat bantuan pernafasan pula menurun 17 peratus.

"Secara keseluruhan, penggunaan katil bukan kritikal menurun lapan peratus dan penggunaan katil PKRC tiada perubahan, manakala penggunaan katil unit rawatan rapi (ICU) menurun 14 peratus," katanya.

Dr. Noor Hisham berkata, kes-kes positif Covid-19 yang dipantau oleh Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) di seluruh negara semakin menunjukkan pengurangan dengan kedatangan pesakit ke CAC menurun 11.6 peratus dan bilangan kes Covid-19 baharu yang menjalani pemantauan di rumah menurun 17.8 peratus.

Bilangan kes Covid-19 yang dirujuk CAC ke PKRC atau hospital pula meningkat 2.5 peratus.

## 1,358 kes baharu, dua kematian dicatatkan

**PUTRAJAYA** – Jangkitan Covid-19 merekodkan 1,358 kes kelmarin termasuk dua kes import, menjadikan jumlah keseluruhan kes di Malaysia sebanyak 4,514,989.

Berdasarkan data di laman web COVIDNOW, sebanyak 1,620 kes sembuh direkodkan dengan jumlah keseluruhan pesakit sembuh daripada Covid-19 sebanyak 4,457,118.

"Kesemua kes harian tersebut dilaporkan di Selangor (569 kes),

Kuala Lumpur (264 kes), Pulau Pinang (105 kes), Perak (90 kes), Negeri Sembilan (81 kes), Johor (61 kes) dan Sabah (45 kes).

"Selain itu, Melaka (31 kes), Kedah (29 kes), Putrajaya (24 kes), Sarawak (22 kes), Pahang (17 kes), Kelantan (sembilan kes), Perlis (lima kes), Terengganu (lima kes) dan Labuan (satu kes)," demikian maklumat tersebut di sini semalam.

Dalam masa sama, dua kes kematian Covid-19 dilaporkan men-

jadikan jumlah kematian terkini sebanyak 35,688 kes serta satu kes meninggal dunia di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID) dengan jumlah kes BID 7,562 kes.

Sebanyak 22,183 kes aktif dilaporkan melibatkan 21,232 kes dikuarantin di rumah, 21 kes di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC), 904 kes di hospital, 14 kes di Unit Rawatan Rapi (ICU) tanpa bantuan pernafasan dan 12 kes di ICU dengan bantuan pernafasan.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : NASIONAL

# Kes Covid-19 menurun minggu lepas

Sebanyak 15.5 peratus iaitu 11,052 kes berbanding 13,076 kes pada minggu sebelumnya

## KUALA LUMPUR

**B**ilangan kes baharu Covid-19 di negara ini bagi Minggu Epidemiologi (ME) ke-22 yang bermula dari 29 Mei hingga 4 Jun menunjukkan penurunan sebanyak 15.5 peratus iaitu 11,052 kes berbanding 13,076 kes pada minggu sebelumnya (ME ke-21).  
Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri

Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan itu menyaksikan jumlah kumulatif kes Covid-19 di Malaysia kini 4,513,631 kes.

"Purata kes aktif setiap hari bagi ME ke-22 adalah 23,290 iaitu terdapat penurunan sebanyak 8.2 peratus berbanding minggu sebelumnya.

"Purata kadar kebolehtangkitan Covid-19 (nilai Rt) juga menunjukkan penurunan sebanyak 2.2 peratus iaitu 0.91 berbanding 0.93 pada minggu sebelumnya," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, bilangan kes sembuh pada ME ke-22 menurun sebanyak 13.4 peratus (15,925 kes kepada 13,797 kes) berbanding ME ke-21, menjadikan kumulatif kes sembuh sebanyak 4,455,499.

Dr Noor Hisham berkata, kes kematian pada

ME ke-22 pula menunjukkan peningkatan kepada 36.8 peratus, dengan 26 kes berbanding 19 kes pada minggu sebelumnya, menjadikan kumulatif kematian kini 35,686.

Sementara itu, beliau berkata, jumlah kemasukan pesakit Covid-19 ke fasiliti kesihatan iaitu hospital dan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) bagi setiap 100,000 penduduk meningkat sebanyak 11 peratus untuk ME sama berbanding ME sebelumnya.

"Namun begitu, didapati tiada perubahan kepada jumlah kemasukan pesakit Covid-19 ke hospital awam bagi setiap 100,000 penduduk bagi semua kategori. Jumlah kes memerlukan alat bantuan pernafasan pula menurun sebanyak 17 peratus.

"Secara keseluruhan, penggunaan katil bukan kritikal menurun sebanyak lapan peratus dan penggunaan katil PKRC tiada perubahan manakala



DR NOOR HISHAM

penggunaan katil unit rawatan rapi (ICU) menurun sebanyak 14 peratus," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kes-kes positif Covid-19 yang dipantau oleh Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) di seluruh negara semakin menunjukkan pengurangan dengan kedatangan

“

Namun begitu, didapati tiada perubahan kepada jumlah kemasukan pesakit Covid-19 ke hospital awam bagi setiap 100,000 penduduk bagi semua kategori. Jumlah kes memerlukan alat bantuan pernafasan pula menurun sebanyak 17 peratus."

pesakit ke CAC menurun sebanyak 11.6 peratus dan bilangan kes Covid-19 baharu yang menjalani pemantauan di rumah menurun sebanyak 17.6 peratus.

"Bilangan kes Covid-19 yang dirujuk CAC ke PKRC atau hospital pula meningkat sebanyak 2.5 peratus," katanya. - *Bernama*

## Johor catat 5,234 kes HFMD setakat 4 Jun

**JOHOR BAHRU** - Sebanyak 5,234 kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) direkodkan di Johor setakat 4 Jun lepas, meningkat 50 kali ganda daripada 104 kes yang dicatat dalam tempoh sama, tahun lepas.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan negeri, Ling Tian Soon berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 4,594 kes melibatkan kanak-kanak berumur sehingga enam tahun, manakala tujuh hingga 12 tahun adalah 564 kes dan selebihnya merupakan mereka yang berumur lebih 13 tahun.

"Sebanyak 41 wabak HFMD dikesan di taska, diikuti rumah persendirian (18), tabika (13), tadika (lapan), prasekolah (tujuh), sekolah rendah (tiga), pusat jagaan harian (dua) dan lain-lain (tiga)," katanya

menerusi kenyataan di sini pada Isnin.

Beliau berkata, sebanyak 25 wabak aktif HFMD dilaporkan dengan Johor Bahru merupakan daerah tertinggi iaitu 11 wabak, diikuti Kluang (tujuh), Kota Tinggi (lima), manakala Muar dan Tangkak masing-masing satu wabak.

Justeru Ling menyeru rakyat di Johor supaya sentiasa mengambil langkah-langkah pencegahan yang diperlukan.

"Dalam masa cuti sekolah ini, ibu bapa sila menggunakan peluang bagi mendidik anak-anak anda supaya memberi lebih perhatian terhadap kebersihan sendiri dan persekitaran.

"Bagi pengusaha institusi pendidikan pula, mereka disarankan agar membuat kerja-kerja sanitasi dan pembersihan di kawasan premis," kata beliau. - *Bernama*

MEMENPANI KRISIS  
**COVID-19:**  
APA TINDAKAN  
**KITA?**

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

## Malaysia sees 15.5% drop in Covid-19 cases

**KUALA LUMPUR:** Malaysia recorded a 15.5% drop in the number of new Covid-19 cases for the epidemiological week 22 (ME 22), from May 29 to June 4, with 11,052 cases compared with 13,076 cases reported in ME 21.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the cumulative number of Covid-19 cases in the country now stood at 4,513,631 while cumulative recov-

eries at 4,455,499.

"The average daily active cases for the ME 22 is 23,290, an 8.2% drop compared with the previous week.

"The average infectivity rate ( $R_t$  value) also showed a 2.2% drop at 0.91, compared with 0.93 reported in the previous week," he said in a statement yesterday.

Dr Noor Hisham added that the number of deaths in ME 22 showed

a 36.8% increase at 26 cases, compared with only 19 cases reported in the previous week, taking the cumulative deaths due to Covid-19 to 35,686.

Meanwhile, the admission of Covid-19 patients to health facilities, namely public hospitals and the Covid-19 Quarantine and Treatment Centres (PKRCs) per 100,000 population during ME 22 had increased by 11% compared with ME 21.

"There was no change to Covid-19 patient admission to public hospitals per 100,000 population for all categories. The number of cases requiring breathing aids had decreased by 17%.

"On the overall, the non-critical bed occupancy had decreased by 8% and the bed occupancy at PKRCs remained unchanged while the use of intensive care unit beds dropped by 14%," he said, reported Bernama.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

## Nationwide drop in new Covid-19 cases

**KUALA LUMPUR:** Malaysia has recorded a 15.5% drop in the number of new Covid-19 cases for the epidemiological week 22 (ME22), from May 29 to June 4, to 11,052 cases compared with 13,076 cases reported in the previous week (ME21).

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the

latest development brought the cumulative number of Covid-19 cases in the country to 4,513,631.

"The average daily active cases for ME22 is 23,290 cases, an 8.2% drop compared with the previous week.

"The average infectivity rate (Rt value) also showed a 2.2% drop at 0.91, compared with 0.93 reported in the previous week," he said in a

statement yesterday.

The number of recovered cases in ME22 also dropped by 13.4%, from 15,925 cases to 13,797 cases in ME21, bringing the cumulative recoveries to 4,455,499.

Noor Hisham said the number of deaths in ME22 showed a 36.8% increase at 26 cases, compared with only 19 cases reported in the

previous week, taking the cumulative death toll due to Covid-19 to 35,686.

Meanwhile, he said the admission of Covid-19 patients into health facilities, namely public hospitals and Covid-19 quarantine and treatment centres per 100,000 population, has increased by 11% for ME22 compared with ME21.

- Bernama

## Over 1.2 million children fully vaccinated

**KUALA LUMPUR:** A total of 1,201,196 or 33.8% of children aged five to 11 in the country have completed their vaccination under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children (PICIKids) as of Sunday.

According to the CovidNOW portal, a total of 1,733,501 or 48.8% of the group have received at least one dose of the vaccine.

For teenagers aged 12 to 17, a total of 2,914,970 or 93.7% have completed their vaccination while 3,010,110 or 96.8% of them have received at least one dose of the vaccine.

Meanwhile, a total of 16,105,955 individuals or 68.5% of adults in the country have received their booster dose while 22,979,868 or 97.7% have completed two doses and 23,256,502 or 98.9% had received at least one dose of the Covid-19 vaccine.

On Sunday, a total of 4,254 doses of Covid-19 vaccine were dispensed with 610 as the first dose, 3,068 as the second dose and 576 as the booster dose, bringing the cumulative number of vaccines administered under the National Covid-19 Immunisation Programme to 70,987,758. - Bernama